



MUZAKARAH PAKAR

TAHAP KESEDARAN, KEFAHAMAN DAN PENERIMAAN HAK ASASI MANUSIA DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM DI LEMBAH KLANG

KHAMIS
24 APRIL 2025

DEWAN SAJIAN, BILIK PERSIDANGAN
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)
KUALA LUMPUR

9:00 Pagi – 12:30 Tengah hari

QR PENDAFTARAN



Sebarang pertanyaan boleh hubungi:

En. Mohd Amiruddin : 03-6204 6321
Cik Raihan : 03-6204 6326

Emel: program@ikim.gov.my

link pendaftaran:
bit.ly/Pendaftaran-MPHakAsasiManusiaIKIM



program@ikim.gov.my



program.ikim.gov.my / ikim.gov.my



MUKADIMAH

Kajian "Tahap Kefahaman, Kesedaran, dan Penerimaan Hak Asasi Manusia dalam kalangan Penjawat Awam di Lembah Klang" dilaksanakan bermula pada 1 Januari 2022 dan berakhir pada 31 Mei 2024. Kajian berkenaan bertujuan mengukur tahap kefahaman, kesedaran, dan penerimaan hak asasi manusia dalam kalangan penjawat awam di Lembah Klang. Kajian tersebut juga menyasarkan matlamat untuk mengenal pasti isu dan masalah berkaitan dengan kefahaman, kesedaran dan penerimaan hak asasi manusia dalam kalangan penjawat awam. Selain itu, kajian yang dijalankan bermatlamat memberikan saranan kepada pihak berkepentingan berdasarkan hasil dapatan kajian. Penjawat awam di Lembah Klang dipilih sebagai responden kajian kerana mengambil kira peranan mereka sebagai perantara antara kerajaan dengan rakyat. Hal ini khususnya untuk membantu kerajaan membentuk dasar hak asasi manusia yang bersesuaian. Pada masa yang sama, rakyat dapat dibantu untuk memahami dan menghargai hasrat kerajaan dalam isu dan permasalahan hak asasi manusia.

OBJEKTIF

Objektif yang ingin dicapai melalui muzakarah pakar ini adalah:

1. Membentangkan dapatan kajian bagi penyelidikan yang dilaksanakan oleh penyelidik mewakili pelbagai agensi dan institusi.
2. Membentangkan kepentingan prinsip hak asasi manusia dipelihara dalam pelaksanaan dasar dan perkhidmatan kepada masyarakat.
3. Membentangkan sejauh mana prinsip hak asasi manusia diamalkan dalam tugas penjawat awam, termasuk cabaran dan halangan yang dihadapi.
4. Mencadangkan strategi dan langkah penambahbaikan bagi meningkat kefahaman, kesedaran, dan penerimaan hak asasi manusia dalam kalangan penjawat awam, termasuk melalui latihan, dasar institusi, dan amalan terbaik.



ATUR CARA

8.30 pagi : Pendaftaran/ Sarapan

SESI PEMBENTANGAN

9.30 pagi : **Moderator: YBrs. Dr. Nik Roskiman bin Abdul Samad**
Pengarah
Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik
Institut Kefahaman Islam Malaysia

Pembentangan 1

“Latar Belakang Kajian Tahap Kesedaran, Kefahaman dan Penerimaan Hak Asasi Manusia dalam Kalangan Penjawat Awam di Lembah Klang”

Oleh: YBrs. Cik Wan Roslili binti Abd. Majid

Felow
Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik
Institut Kefahaman Islam Malaysia

9.50 pagi : Sesi Soal Jawab

10.15 pagi : **Pembentangan 2**
“Isu dan Permasalahan Tentang Kesedaran, Kefahaman dan Penerimaan Hak Asasi Manusia dalam Kalangan Penjawat Awam di Lembah Klang”

Oleh: YBhg. Prof. Dr. Zaid bin Ahmad

Felow Utama Bersekutu
Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

11.00 pagi : Sesi Soal Jawab

11.30 pagi : **Pembentangan 3**
“Kajian Tahap Kesedaran, Kefahaman, Penerimaan Hak Asasi Manusia dalam Kalangan Penjawat Awam di Lembah Klang: Saranan kepada Pihak Berkepentingan”

Oleh: YBrs. Dr. Nur Ayuni binti Mohd Isa

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia (UPM)

12.00 tgh. hri. : Sesi Soal Jawab

12.30 tgh. hri. : Makan tengah hari/ Bersurai